

PELAKSANAAN HIBAH AMANAH SEBAGAI SUATU INSTRUMEN PENGURUSAN HARTA ISLAM DI MALAYSIA

*(Execution of Hibah Amanah as an Instrument of Islamic
Property Management in Malaysia)*

Akmal Hidayah Halim
akmalh@iiium.edu.my

Tajul Aris Ahmad Bustami
tajularis@iiium.edu.my

Kulliyyah Undang-undang Ahmad Ibrahim,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Abstrak

Penggunaan hibah amanah menjadi salah satu alternatif untuk merancang pengurusan harta Islam di Malaysia. Hibah amanah memberikan ruang kepada pemberi hibah untuk mengekalkan kawalan penuh terhadap harta hibah semasa hayat, manakala penerima hibah akan memperoleh harta tersebut hanya selepas kematian pemberi hibah. Keadaan ini secara zahirnya dilihat tidak konsisten dengan prinsip hibah, wasiat, amanah dan pusaka Islam kerana pemberi hibah tidak melepaskan hak dan faedah terhadap harta yang dihibahkan semasa hidupnya, walaupun penerima hibah merupakan seseorang yang mempunyai kelayakan untuk memiliki dan menguruskan harta. Makalah ini membincangkan hibah amanah dan kedudukannya sebagai salah satu instrumen pelupusan harta mengikut hukum syarak dan perundangan di Malaysia supaya setiap pihak berhak mendapat haknya mengikut undang-undang Islam.

Kata kunci: hibah, amanah, wasiat, pusaka, hibah *ruqba*, Muslim

Abstract

The use of hibah amanah has become an alternative in the Islamic property management in Malaysia. Hibah amanah enables a donor to have control over his/her property during his/her lifetime and the donee or beneficiary can only benefit from it upon the death of the donor. On the surface, hibah amanah seems to be inconsistent with the Islamic rules of hibah, wills, trust and inheritance as the donor does not give up his rights or possession of the property during his lifetime even though the donee has the legal capacity to own and manage his property. Hence, this article seeks to examine the implementation of hibah amanah by Muslims in Malaysia and its legality as an instrument of property distribution in Islamic law so that the rights of every entitled person in one's estate may be ascertained and protected.

Keywords: hibah, trust, wills, inheritance, hibah ruqba, Muslim

PENDAHULUAN

Sistem perwarisan Islam ialah suatu sistem pusaka yang diamalkan berdasarkan peruntukan yang terkandung dalam al-Quran,¹ sunah dan ijthid para sahabat dan para ulama. Dari semasa ke semasa, sistem pusaka berkembang menjadi suatu sistem yang menyeluruh dan mampu untuk menangani isu sosial masyarakat. Walau bagaimanapun, adakalanya sebahagian anggota masyarakat gagal memahami hukum pusaka dengan baik, terutama apabila melibatkan produk pengurusan pusaka kontemporari yang membanjiri pasaran tempatan. Kegagalan memahami hukum pusaka boleh menimbulkan pelbagai masalah dalam soal pembahagian pusaka.²

Lazimnya, dalam mana-mana sistem pusaka dunia, persoalan tentang sejauh manakah seseorang itu mempunyai hak peribadi untuk menentukan pewaris harta selepas kematiannya sentiasa dibincangkan, termasuklah dalam hal perwarisan harta orang Islam.

1 Surah al-Nisa' 4:11, 12 dan 176.

2 Wan Abdul Halim Wan Harun (2006). *Pengurusan dan pembahagian harta pusaka* (p. 3). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dalam konteks ini, terdapat segelintir individu yang menganggap bahawa sistem perwarisan harta Islam mengehadkan kebebasan untuk memilih waris yang menyebabkan harta pusaka dibahagikan tidak mengikut kehendak mereka.³ Oleh itu, beberapa kaedah digunakan bagi mengelakkan penggunaan undang-undang perwarisan Islam terhadap sebahagian atau keseluruhan harta mereka. Dalam konteks ini, penggunaan hibah amanah menjadi salah satu alternatif dalam pengurusan harta Islam di Malaysia yang membenarkan seseorang untuk memindahkan pemilikan hartanya ke dalam bentuk dana amanah yang dikawal olehnya. Instrumen ini membenarkan individu yang membuat mana-mana amanah untuk memilih pewaris harta selepas kematiannya tanpa perlu merujuk peruntukan undang-undang pusaka Islam. Pada masa yang sama, individu tersebut masih boleh mengekalkan kawalan penuh dan penggunaan harta amanah tersebut semasa hayatnya. Pelaksanaan instrumen ini kebanyakannya dibuat dalam kes hibah amanah hartanah⁴ dan juga hibah amanah saham simpanan⁵, dan sebagainya.

Walaupun pengelakan pemakaian undang-undang pusaka Islam tidak membatalkan sesuatu instrumen yang sah dibuat di bawah undang-undang Islam,⁶ terdapat keperluan yang mendesak untuk menentukan tahap kesahihan hibah amanah ini sebagai salah satu

3 Sebagai contoh, dalam kes seseorang yang tidak mempunyai anak lelaki, warisnya ialah isteri, anak perempuan dan saudara lelakinya. Beliau berkehendak kesemua pusakanya perlu dibahagikan kepada isteri dan anak perempuannya sedangkan Islam memberikan juga hak perwarisan kepada saudara lelakinya. Keadaan ini menyebabkan beliau memikirkan cara hasratnya boleh dilaksanakan.

4 Mohd. Nasir Ali dan Aminuddin Adnan (2016). Hibah amanah hartanah. Kertas kerja dalam E-proceeding of International Conference on Aqidah, Dakwah dan Syariah 2016, Academy of Islamic Studies, KUIS: Selangor. Pelaksanaan hibah amanah hartanah juga dinyatakan dalam kes *Re Man bin Mihat* [1965] 2 *MLJ* 1 (p. 3).

5 Sebagai contohnya, perkhidmatan hibah amanah untuk orang Islam ditawarkan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) semenjak tahun 2013. Konsep perkhidmatan yang sama turut ditawarkan oleh Amanah Raya Berhad dan juga As-Salihin Trustee Berhad.

6 Lucy Carroll (2001). Life interest and inter-generational transfer of property avoiding the law of succession. *Islamic Law and Society*, 8(2), 254.

instrumen dalam pengurusan harta Islam kerana pembentukannya dilihat tidak selari dengan undang-undang hibah dan pusaka Islam, terutama apabila penerima amanah tersebut mempunyai kapasiti undang-undang untuk mentadbir harta dan merupakan salah seorang pewaris yang sah kepada si mati (pembuat amanah). Oleh itu, makalah ini bertujuan mengkaji pelaksanaan hibah amanah oleh umat Islam supaya pewaris harta amanah mendapat haknya mengikut undang-undang Islam. Perbincangan akan tertumpu pada pembentukan hibah amanah dan undang-undang yang berkaitan dengan amanah di Malaysia. Kaedah amanah dalam Islam berserta undang-undang hibah dan pusaka Islam akan dibincangkan bagi mengenal pasti isu ketidakselarasan yang timbul, dan ruang penggunaan hibah amanah sebagai suatu instrumen pengurusan harta Islam di Malaysia. Konsep yang terlaksana selepas kematian amat berbeza daripada konsep hibah yang sebenar yang perlu dilaksanakan semasa hidup pemberi hibah kerana pembahagian harta selepas kematian hanya boleh berlaku melalui dua instrumen, iaitu wasiat dan faraid. Oleh sebab hibah amanah memberikan ruang kepada pemberi hibah untuk menentukan penerima harta hibah hanya selepas kematian si pemberi hibah, maka belakunya pelanggaran batas masa yang ditetapkan kerana sesuatu hibah itu mestilah terlaksana secara zahirnya dan bukan hanya secara teknikal semasa hidup si pemberi hibah.

PEMBENTUKAN HIBAH AMANAH

Hibah amanah merupakan suatu bentuk hadiah yang dibuat oleh pemberi amanah semasa hayatnya yang masih boleh menggunakannya walaupun selepas hibah amanah itu berkuat kuasa.⁷ Pembentukannya dikira lengkap apabila pemberi amanah (pemilik harta amanah) melantik seorang pemegang amanah atau dalam sesetengah keadaan, pemberi amanah itu mengisytiharkan dirinya sebagai pemegang amanah yang memegang harta itu sebagai amanah bagi pihak penerima amanah. Kesannya, harta amanah itu tidak lagi menjadi

7 Rujuk *Lee Ing Chin & Ors lwn Gan Yook Chin & Anor* [2003] 2 *CLJ* 19 (p. 63).

milik harta pembuat amanah yang tidak boleh ditarik balik melainkan jika terdapat peruntukan kuasa pembatalan yang dibuat khusus ketika membuat amanah.⁸ Walau bagaimanapun, harta amanah tersebut akan kembali kepada pembuat amanah sekiranya penerima amanah mati sebelum kematian pembuat amanah. Pelaksanaan yang seakan-akan sama dengan hibah amanah ini telah lama dilaksanakan oleh undang-undang Inggeris, terutama dalam bentuk *living trust*.⁹ Oleh itu, undang-undang Inggeris perlu dirujuk untuk memahami konsep dan pembentukan hibah amanah.

Ketua Hakim, Turner dalam kes *Milroy lwn Lord*¹⁰ membuat satu kenyataan tentang syarat pembentukan sesuatu amanah, iaitu:

*I take the law of this court to be well settled, that, in order to render a voluntary settlement valid and effectual, the settler must have done everything which, according to the nature of the property comprised in settlement, was necessary to be done in order to transfer the property and render the settlement binding upon him. He may, of course, do this by actually transferring the property to the persons for whom he intends to provide, and the provision will then be effectual,¹¹ and **it will be equally effectual if he transfers the property to a trustee for the purpose of the settlement, or declares that he himself holds it in trust for those purposes**; ... (penekanan ditambah).*

Kenyataan tersebut menjelaskan bahawa amanah boleh dibuat melalui dua cara. Pertama, pembuat amanah boleh memindahkan harta tersebut kepada pemegang amanah (*trustee*); dan kedua, pemegang amanah mengisytiharkan bahawa pemegang amanah harta tersebut yang akan menguruskannya menggunakan konsep amanah.

8 Mary George (1999). *Malaysian trust law* (p. 78). Selangor: Pelanduk Publication. Rujuk juga David J. Hayton (t. th). *Underhill and hayton law relating to trusts and trustees* (Edisi 15) (p. 125). Butterworths: t.p.

9 Lihat Akmal Hidayah Halim (2011). The legality of a living trust as an instrument for Islamic wealth management: A perspective. *IIUM Law Journal*, 19(1), 35 – 50.

10 (1862) 4 *De G.F. & J.* (pp. 274 – 275).

11 Penyelesaian secara suka rela ini adalah dalam bentuk hadiah melalui wasiat yang dipindah secara terang-terangan.

Apabila pembuat amanah melantik seorang pemegang amanah, amanah itu hanya benar-benar terbentuk apabila harta amanah itu secara sah berpindah kepada pemegang amanah melalui kaedah formal yang ditetapkan oleh undang-undang. Dalam kes pembuat amanah mengisytiharkan harta yang ada padanya yang akan diuruskan menggunakan konsep amanah, hak milik harta amanah itu akan kekal terletak pada pembuat amanah yang pada masa yang sama menjadi pemegang amanah. Dalam pengisytiharan harta amanah, kenyataan Sir George Jessel MR dalam kes *Richards lwn Delbridge*¹² dilihat sangat relevan:

... the legal owner of the property may, by one or other of the modes recognized amounting to a valid declaration of trust, constitute himself a trustee, and without an actual transfer of the legal title, may so deal with the property as to deprive himself of its beneficial ownership, and declare that he will hold it from that time forward on trust for the other person. It is true he needs not use the words, "I declare myself a trustee" but he must do something which is equivalent to it, and use expressions which have that meaning; for however anxious the court may be to carry out a man's intention, it is not at liberty to construe words otherwise than according to their proper meaning ... for a man to make himself a trustee there must be an intention to become a trustee ... (penekanan ditambah).

Berdasarkan kenyataan tersebut dirumuskan bahawa jika pembuat amanah tidak ragu-ragu untuk mengisytiharkan dirinya sebagai pemegang amanah, niatnya akan menjadi suatu manifestasi untuk menjadi pemegang amanah yang akan menguruskan amanah tersebut menggunakan konsep amanah.

UNDANG-UNDANG AMANAH YANG TERPAKAI DI MALAYSIA

Perlembagaan Persekutuan secara umumnya menyenaraikan perkara yang berkaitan dengan ekuiti dan amanah di bawah Senarai

12 (1874) LR 18 Eq 11.

Persekutuan, Butiran 4(e)(i) yang bermaksud mahkamah sivil mempunyai bidang kuasa¹³ untuk mengendalikan kes yang berkaitan dengan amanah. Selain itu, perkara berkenaan dengan amanah disebut dalam Senarai Negeri yang berkaitan dengan mahkamah syariah.¹⁴ Keadaan ini menimbulkan persoalan mahkamah manakah yang kompeten untuk mengendalikan kes amanah orang Islam. Dalam konteks ini, mahkamah rayuan dalam kes *TM Feroze Khan & Ors lwn Meera Hussain TM Mohamed Mydin*¹⁵ telah memutuskan bahawa undang-undang yang terpakai berhubung dengan amanah di Malaysia ialah undang-undang sivil tidak kira sama ada pihak itu ialah orang Islam atau bukan Islam.

Dalam kes ini, si mati mempunyai sebidang tanah yang didirikan sembilan buah rumah di atasnya dan disewakan kepada penyewa. Semasa hayatnya, si mati memindahkan dan mendaftarkan harta itu kepada dirinya sebagai pemegang amanah bagi manfaat anaknya yang berumur lapan tahun. Pada masa yang sama, si mati juga membuat surat wasiat amanah yang mengisytiharkan dirinya sebagai pemegang harta amanah itu. Fakta juga menunjukkan bahawa selepas kematian si mati, responden memperoleh perintah *ex-parte* daripada mahkamah tinggi untuk meletakkan namanya sebagai pemilik harta itu. Walau bagaimanapun, si perayu, iaitu anak si mati daripada perkahwinan yang lain berhujah bahawa hibah harta tersebut tidak sah di bawah undang-undang Islam dan sepatutnya dianggap sebagai harta pusaka si mati kerana hibah harta tidak boleh dilaksanakan kerana harta tersebut disewakan, dan pemilikan harta tersebut tidak diserahkan kepada responden semasa hayatnya.

13 Lihat Perlembagaan Persekutuan, Jadual 9, Senarai Persekutuan.

14 Lihat juga Perlembagaan Persekutuan, Jadual 9, Senarai Negeri.

15 [2006] 3 *CLJ* 616. Keputusan yang sama juga telah dibuat di dalam kes *Dato' Kadar Shah Tun Sulaiman lwn Datin Fauziah Haron* [2008] 7 *MLJ* 779. Lihat juga kes *Wan Naimah lwn Wan Mohamad Nawawi* [1974] 1 *MLJ* 41 di mana mahkamah menggunakan undang-undang amanah sivil dan bukan undang-undang amanah Islam untuk menguatkuasakan hadiah yang dibuat melalui perisytiharan lisan yang melibatkan keluarga Muslim. Ia juga serupa dengan permohonan yang dibuat dalam kes *Re Man bin Mihat*, Surat Ikatan [1965] 2 *MLJ* 1.

Mahkamah memutuskan bahawa mengikut undang-undang Islam, penyerahan pemilikan harta oleh si pemberi merupakan salah satu elemen penting untuk membuat satu hibah yang lengkap. Namun, kes ini dikecualikan kerana dalam kes hibah daripada seorang bapa kepada anak yang belum dewasa, penyerahan pemilikan tidak perlu dilakukan kerana perubahan pemegang hartanah yang seterusnya (selepas kematiannya) akan menjadi milik kanak-kanak tersebut. Semua ini terlaksana jika dibuktikan bahawa niat sebenar si pemberi adalah untuk memberikan hibah.¹⁶

Dalam kes ini, niat si mati untuk memberikan hartanah itu sebagai hibah kepada responden adalah jelas kerana si mati telah melaksanakan pemindahan harta itu sebagai hibah bagi pihak responden, serta beliau juga memastikan dirinya sebagai pemilik harta itu dan sebagai pemegang amanah kepada responden. Oleh sebab inilah satu-satunya cara untuk melaksanakan pemindahan harta di bawah Kanun Tanah Negara 1965, yang menunjukkan bahawa si mati telah melakukan segala yang mungkin mengikut kemampuannya dalam usaha menyerahkan pemilikan hartanya sebagai hibah.

Selain itu, diputuskan juga bahawa undang-undang yang diguna pakai dalam kes ini ialah undang-undang amanah sivil yang akan terpakai terhadap orang Islam atau bukan Islam. Oleh itu, selagi amanah dibuat mengikut segala syarat di bawah undang-undang, amanah boleh dikuatkuasakan terhadap si mati atau harta pusakanya, meskipun pemilikan harta tersebut diserahkan kepada responden semasa hayat si mati ataupun tidak, dan sama ada si mati ada menerima dan mengisytiharkan hasil sewaan rumahnya sebagai sumber pendapatan peribadinya. Dengan kata lain, walaupun syarat untuk membuat hibah di bawah undang-undang Islam tidak dipenuhi, namun instrumen hibah amanah ini diiktiraf secara sah di bawah undang-undang amanah di Malaysia.

Tidak dinafikan bahawa cara terbaik untuk membuktikan niat sebenar si mati untuk membuat hibah adalah dengan cara

16 Lihat juga Lucy Caroll (1994). Definition and interpretation of Muslim law in South East Asia: The case of gifts to minors. *Islamic Law and Society* (BRILL), 1(1), 88.

membuat perisytiharan hibah dan melakukan segala tindakan untuk melaksanakan hibah tersebut. Namun, faktor keseluruhan kes menunjukkan bahawa hibah tidak bertujuan dipindahkan kepada penerima hibah sepenuhnya, iaitu si mati masih boleh memanfaatkan harta hibah tersebut untuk dirinya.¹⁷ Oleh itu, jika amanah tersebut masih diuruskan seperti harta pemberi hibah, keadaan itu boleh menggugat kesahihan wujudnya hibah. Adalah amat mendukacitakan apabila kes *TM Feroze Khan* ini tidak dibicarakan menurut undang-undang hibah Islam kerana timbulnya persoalan sama ada syarat hibah yang sah dipenuhi atau tidak di bawah undang-undang Islam dan tidak dibuat oleh mahkamah syariah tetapi dibuat oleh mahkamah sivil. Kes ini mungkin keputusannya berlainan jika sekiranya dibicarakan di mahkamah syariah.

AMANAH MENURUT ISLAM

Pembentukan amanah dalam Islam adalah sebagai salah satu instrumen dalam perancangan harta yang melibatkan pelantikan pemegang amanah yang mempunyai tanggungjawab untuk menjaga dan menguruskan harta amanah mengikut terma dan syarat yang ditetapkan oleh pembuat amanah. Perkara ini diberikan penekanan dalam al-Quran yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya) ...”.

(*Surah al-Nisa*’ 4:58)

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan Rasul-Nya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya)”.

(*Surah al-Anfal* 8:27)

17 Lucy Caroll (1994). Definition and interpretation of Muslim law in South East Asia: The case of gifts to minors. *Islamic Law and Society* (BRILL), 1(1), 88 – 89.

Dalam Islam, pelantikan pemegang amanah biasanya wujud dalam bentuk agensi (*wakalah*), iaitu apabila seseorang itu memberikan kuasa kepada orang lain untuk menggantikannya untuk menjalankan hak sivil. Pelantikan pemegang amanah juga boleh dibuat melalui *wisoyah* yang merujuk pelantikan atau kepercayaan terhadap seseorang untuk mentadbir harta pusaka si mati dan harta anaknya yang masih kecil selepas kematiannya.¹⁸ Amanah juga wujud dalam bentuk *wadi'ah* yang membolehkan seseorang menyimpan harta atau aset yang dimilikinya atas nama orang lain bagi tujuan keselamatan.¹⁹ Di Malaysia, majlis agama Islam bagi setiap negeri dilantik sebagai pemegang amanah tunggal bagi harta wakaf. Pelantikan dilaksanakan melalui penguatkuasaan undang-undang yang membatalkan semua pelantikan pemegang amanah, kecuali pihak majlis agama Islam.

Hibah amanah dalam Islam hanya wujud dalam kes hibah kepada yang bukan mukallaf seperti kanak-kanak ataupun orang yang gila.²⁰ Dalam kes ini, seseorang itu perlu menerima hibah tersebut bagi pihak kanak-kanak ataupun orang yang gila itu dan secara tidak langsung mentadbir dan menguruskan harta tersebut sebagai pemegang amanah. Kebiasaannya, penjaga sah harta penerima hibah diiktiraf untuk melakukan tugas ini seperti bapa, orang yang diwariskan oleh bapa, datuk sebelah bapa atau orang yang diwariskan.²¹ Bagi kes harta kanak-kanak, harta tersebut akan dipindahkan kepada kanak-kanak itu apabila mencapai umur dewasa. Di Malaysia, mengikut peruntukan seksyen 2, Akta Umur Majoriti 1971, umur seseorang dianggap

18 Dalam kes *wisoyah*, seseorang wasi yang dilantik akan mentadbirkan apa-apa harta yang menjadi milik anak si mati yang masih kecil selepas kematiannya. Maka, had berkenaan dengan wasiat kepada ahli waris dan wasiat tidak lebih daripada 1/3 tidak terpakai dalam kes ini.

19 Mustofa al-Khin, Mustofa al-Bugho dan Ali al-Syarbaji (2014). *Al-Fiqh al-Manhaji muamalat dan kewangan Islam dlm. Fiqh al-Syafi'i* (Zulkifli Mohamad al-Bakri, Terj.) (pp. 367 – 368). Selangor: Darul Syakir Enterprise.

20 Mustofa al-Khin, Mustofa al-Bugho dan Ali al-Syarbaji (2004). *Al-Fiqh al-Manhaji kitab fikah mazhab Syafie* (Solehan Ayub, Terj.) (p. 1137). Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.

21 Lucy Caroll (1994). Definition and interpretation of Muslim law in South East Asia: The case of gifts to minors. *Islamic Law and Society (BRILL) 1*(1), 87 – 88.

dewasa apabila mencapai umur 18 tahun. Pada waktu itu, pemegang amanah akan bebas daripada tugasnya untuk menguruskan dan mentadbir harta amanah. Walau bagaimanapun, bagi kes orang yang gila, pemegang amanah mempunyai kewajipan untuk menguruskan dan mentadbir harta tersebut sepanjang hayatnya.

Oleh itu, dalam Islam, apabila sesuatu amanah dibuat, harta itu tidak lagi menjadi milik si pembuat amanah, tetapi pemegang amanah yang perlu mentadbir dan menguruskan harta tersebut mengikut terma dan syarat harta amanah, meskipun dalam situasi pemberi amanah dilantik sebagai pemegang amanah. Pemegang amanah akan memikul tanggungjawab untuk menjaga kepentingan penerima amanah dan menyerahkan semula harta tersebut apabila dikehendaki mengikut terma yang termeterai dalam amanah tersebut.

HIBAH DALAM ISLAM

Terdapat beberapa istilah yang diguna pakai bagi maksud pemberian harta. Pemindahan harta yang dibuat dengan niat untuk mendapatkan pahala di akhirat dipanggil sedekah. Pemindahan yang dibuat untuk menunjukkan rasa hormat kepada seseorang pula digelar sebagai hadiah atau hibah (pemberian *inter vivos*).²² Bagi sesuatu hadiah, penawaran (*ijab*) dan penerimaan (*qabul*) bukanlah satu syarat bagi menentukan kesahihannya, tetapi hendaklah dibuktikan bahawa harta itu adalah daripada penderma dan diambilmilikan oleh penerima. Walau bagaimanapun, hibah berbeza daripada hadiah. Penawaran dan penerimaan merupakan salah satu elemen yang penting untuk menentukan kesahihannya, termasuklah elemen tambahan, iaitu pemilikan (*al-qabd*). Dalam setiap hibah, penawaran dan penerimaan perlu dibuat dalam bentuk yang jelas untuk mengesahkan kewujudan hibah tersebut.²³

Meskipun sudah ada penawaran dan penerimaan, hibah itu masih

22 al-Nawawī (1977). *Minhaj-at-Talibin, A Manual of Muhammadan Law According to the School of Shafi'i*. (E. C. Howard, Terj.) (p. 234). Law Publishing Co.

23 al-Nawawī (1977). *Minhaj-at-Talibin, A Manual of Muhammadan Law According to the School of Shafi'i*. (E. C. Howard, Terj.) (p. 234). Law Publishing Co.

belum sempurna melainkan jika berlakunya penyerahan pemilikan (*qabd*).²⁴ Contohnya, keputusan kes *Tengku Haji Jaafar ibni Almarhum Tengku Muda Ali*²⁵ dinyatakan sebagai:

As regards gift of land, whether it be to a Muslim or to a non-Muslim, the gift will not be valid unless the donee takes possession of the gift of land at the time the gift is made. In other words, a gift will transfer the ownership of the subject matter of the gift to the donee only upon the latter taking possession of it.

Oleh itu, ketiga-tiga elemen penting seperti penawaran, penerimaan dan penyerahan pemilikan mesti berlaku dalam pelaksanaan sesuatu hibah. Selagi pemilikan belum diambil oleh penerima hibah, harta itu kekal sepenuhnya menjadi harta penderma. Oleh itu, jika penderma membuat tawaran untuk memberikan hibah dan diterima oleh penerima tetapi tiada penyerahan pemilikan, maka harta itu tidak dianggap harta hibah, sebaliknya akan berpindah kepada waris penderma selepas kematian penderma²⁶. Jika berlaku penyerahan pemilikan, harta itu akan menjadi milik penerima dan menjadi harta pusaka selepas kematian penerima.

UNDANG-UNDANG PUSAKA ISLAM

Secara asasnya terdapat dua cara untuk seseorang itu layak mendapat harta pusaka si mati, iaitu dengan cara harta pusaka tidak berwasiat atau berwasiat. Harta pusaka yang tidak diwasiatkan merujuk keadaan

24 David Pearl (1979). *A Textbook on Muslim law* (p. 158). London: Croom Helm. Syarat sah hadiah ialah penyerahan milikan hibah. Lihat Jamal J. Nasir (1990). *The Islamic law of personal status* (p. 282). London: Graham and Trotman.

25 [1987] 2 *MLJ* 74 (p. 131).

26 David Pearl (1979). *A textbook on Muslim law* (p. 158). Sesetengah fuqaha berpendapat bahawa pindah milik hibah berlaku apabila selesainya akad (penawaran dan penerimaan) dan pemilikan tidak menentukan kesahihan sesuatu kontrak hibah. Oleh itu, jika pemberi atau penerima harta meninggal dunia sebelum pemilikan berlaku, hibah itu tidak terbatal. Imam Abu Hanifah dan Shafii berpendapat pengambilalihan milikan merupakan syarat untuk menjadikan sesuatu hibah itu sah; Jamal J. Nasir (pp. 285 – 286).

si mati meninggal dunia tanpa meninggalkan sebarang wasiat. Dalam keadaan ini, harta pusaka si mati akan dibahagikan mengikut undang-undang perwarisan (*faraid*) yang berkaitan dengan bahagian khusus yang diberikan kepada para waris seperti yang diperuntukkan dalam al-Quran.²⁷

Harta pusaka berwasiat merujuk keadaan si mati yang meninggal dunia meninggalkan wasiat yang sah mengikut hukum syarak, iaitu membuat pengisytiharan semasa hayatnya terhadap harta atau faedah daripadanya untuk dilaksanakan selepas kematiannya. Wasiat dan pemindahan harta tersebut hanya akan berkuat kuasa selepas kematiannya. Oleh itu, tiada tuntutan yang boleh dibuat oleh pewaris sebelum kematian pembuat wasiat tersebut dan pada masa yang sama pembuat wasiat bebas untuk melakukan apa-apa sahaja transaksi terhadap hartanya. Selepas kematiannya, harta tersebut akan dibahagikan mengikut wasiat yang ditinggalkan dalam lingkungan yang dibenarkan oleh hukum syarak dan bakinya akan dibahagikan mengikut hukum faraid. Untuk membuat sesuatu wasiat,²⁸ seseorang itu tertakluk pada beberapa syarat yang berkaitan dengan penerima wasiat dan juga kadar wasiat. Pertama, penerima wasiat mestilah bukan dalam kalangan waris pembuat wasiat yang sah²⁹ berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Imamah:

27 Lihat *Surah al-Nisa'* 4:11, 12 dan 176.

28 Konsep dan pelaksanaan wasiat orang Islam di Malaysia boleh merujuk Tajul Aris Ahmad Bustami (2004). Pentadbiran wasiat orang Islam di Malaysia: Perkembangan dan permasalahan. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 16(1), 1 – 19. Lihat juga Tajul Aris Ahmad Bustami (2007). Penghakiman kes wasiat orang Islam: Satu analisa dlm. Mahamad Arifin *et al.*, *Pentadbiran Undang-undang Islam Malaysia* (Jilid 12) (pp. 178 – 206). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

29 Oleh sebab wasiat hanya diketahui selepas waktu kematian, larangan itu hanya terpakai kepada ahli waris yang layak mewarisi selepas kematian pewasiat. Oleh itu, wasiat yang dibuat kepada seseorang yang merupakan waris pewasiat pada masa wasiat itu dibuat, tetapi disebabkan oleh keadaan tertentu dia tidak lagi menjadi waris pada waktu kematian dan tidak lagi tertakluk pada larangan itu. Sebagai contoh, terdapat kes suami mewasiatkan harta kepada isterinya dan kemudiannya pasangan itu bercerai sebelum kematian si suami. Lihat Noel J. Coulson (1971). *Succession in the Muslim family* (p. 241). Cambridge, England: University Press.

Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: “Sesungguhnya Allah telah memberi setiap orang yang berhak haknya dan tidak ada wasiat untuk ahli waris”.³⁰

Wasiat dilarang ditujukan kepada ahli waris kerana orang Islam sudah pun tertakluk pada bahagian pusaka yang dinyatakan dalam hukum faraid. Jika wasiat kepada waris dibenarkan, berkemungkinan pewasiat akan memberikan keutamaan kepada beberapa orang pewaris sahaja berbanding dengan pewaris yang lain dan keadaan ini boleh menimbulkan pertikaian antara waris. Walau bagaimanapun, kebanyakan fuqaha berpendapat bahawa wasiat kepada waris sah jika dipersetujui secara sebulat suara oleh semua ahli waris.³¹ Wasiat sedemikian bukanlah tidak sah tetapi tertakluk pada persetujuan daripada waris lain, dan jika mereka semua bersetuju dengannya, maka wasiat tersebut boleh dilaksanakan.

Kedua, kadar wasiat yang disyaratkan hendaklah tidak melebihi satu pertiga daripada nilai bersih pusaka. Penetapan kadar ini bertujuan melindungi hak para waris, iaitu memastikan mereka menerima sekurang-kurangnya dua pertiga daripada harta pusaka itu. Penetapan kadar tidak boleh melebihi daripada satu pertiga berdasarkan hadis sahabat Nabi SAW, iaitu Sa’ad ibn Abi Waqqas yang bermaksud:

Rasulullah SAW menziarahi aku sewaktu aku mengalami sakit yang teruk di Makkah. Baginda bersabda: “Semoga Allah merahmatimu ibn Nafra”. Aku bertanya kepada Baginda: “Wahai Rasulullah! Aku mempunyai harta yang banyak dan tidak ada yang akan mewarisiku melainkan seorang anak perempuan. Apakah boleh aku sedekahkan dua pertiga (2/3) daripada hartaku?”. Rasulullah SAW menjawab: “Tidak”. Aku berkata: “Bagaimana kalau separuh (1/2)?”. Jawab Rasulullah SAW, “Tidak”. Aku berkata: “Kalau satu pertiga (1/3)?”. Jawab Rasulullah SAW: “Satu

30 al-Bukhari (1979). *Sahih al-Bukhari* (Muhammad Muhsin Khan, Terj.) (Jilid 4) (p. 6). t.t.: Kazi Publication.

31 al-Nawawi, Mahy al-Dīn Abī Zakarīyya Yahya ibn Sharaf (1986). *Minhaj al-Talibīn: A manual of Muhammadan law according to the school of Shafi’i*. (p. 260). t.t.: t.p.; Lihat juga Abdul Aziz Mohammed Zaid (1986) (p. 70). *The Islamic law of bequest*. t.t.: Scorpion Publishing Ltd.

pertiga (1/3) itu sudah banyak³². Sesungguhnya adalah lebih baik kamu meninggalkan warismu kaya daripada meninggalkan mereka miskin, meminta-minta daripada orang lain. Sesungguhnya apa yang kamu belanjakan akan diberikan pahala walaupun sesuatu makanan kepada isterimu.³²

KETIDAKSELARASAN ANTARA HIBAH AMANAH DENGAN UNDANG-UNDANG HIBAH, AMANAH, WASIAT DAN PUSAKA ISLAM

Hibah amanah merupakan gabungan antara instrumen hibah dengan amanah, iaitu pemberi hibah membuat perakuan untuk menghibahkan sesuatu kepada seseorang yang berkuat kuasa selepas kematiannya. Sehingga berlaku kematian pemberi hibah, harta tersebut dipegang oleh pemberi hibah atas dasar amanah. Pemberi hibah berhak menarik balik perakuan hibah tersebut semasa hayatnya. Jika sekiranya penerima hibah meninggal dunia terlebih dahulu daripada pemberi hibah, harta yang dihibahkan itu akan kekal dipegang oleh pemberi hibah.

Sebahagian pihak berhujah bahawa hibah amanah ini diperkenalkan adalah untuk menyelesaikan masalah faraid dan wasiat Islam yang tidak lengkap sebagai instrumen perancangan harta kerana faraid dan wasiat tidak boleh ditentukan sepenuhnya oleh pemilik harta semasa hayatnya.³³ Oleh itu, hibah amanah dilihat lebih sesuai digunakan kerana cirinya banyak yang menyerupai wasiat untuk orang yang bukan Islam³⁴, iaitu pemilik harta boleh menentukan penerima

32 al-Bukhari (1979). *Sahih al-Bukhari* (Jilid 4) (p. 3). (Muhammad Muhsin Khan, Terj.). t.t.: Kazi Publication.

33 Othman Yaacob (2006). Pembentukan trust hibah sebagai alternatif perancangan harta dlm. Siti Mashitoh Mahamood (Ed.), *Harta amanah orang Islam di Malaysia: Perspektif undang-undang dan pentadbiran* (p. 172). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

34 Othman Yaacob (2006). Pembentukan trust hibah sebagai alternatif perancangan harta dlm. Siti Mashitoh Mahamood (Ed.), *Harta amanah orang Islam di Malaysia: Perspektif undang-undang dan pentadbiran* (pp. 196 – 197). Kuala

hartanya selepas kematiannya. Keadaan ini dapat mempercepat proses pembahagian harta pusaka kerana harta amanah tersebut akan dipindah milik kepada penerima hibah amanah berdasarkan terma dan syarat dalam surat ikatan hibah amanah.

Antara syarat yang ditetapkan termasuklah penerima hibah bersetuju dan membenarkan pemberi hibah menggunakan harta hibah tersebut untuk faedah dirinya, membuat semua urusan niaga dan mendapat manfaat yang berkaitan dengan harta hibah amanah tersebut selama tempoh pemberi hibah masih hidup. Pemegang amanah pula akan mentadbir dan mengurus harta hibah amanah tersebut apabila berlaku kematian pemberi hibah dan akan mengagihkan harta tersebut kepada penerima hibah amanah berdasarkan surat ikatan hibah amanah, dan harta tersebut tidak boleh lagi dianggap sebagai bahagian daripada harta pusaka si mati (pembuat hibah amanah tersebut). Oleh itu, ahli waris yang lain tidak berhak untuk menuntut harta itu. Sekiranya penerima hibah meninggal dunia terlebih dahulu, harta hibah amanah akan dikembalikan kepada pemberi hibah yang kemudiannya berhak untuk menghibahkan harta tersebut kepada penerima hibah yang baharu.³⁵

Terdapat beberapa sebab seseorang Muslim mengambil keputusan untuk membuat amanah dalam pembahagian hartanya. Salah satu daripadanya adalah untuk mengelakkan harta itu daripada tertakluk di bawah undang-undang pusaka Islam kerana berkemungkinan penerima amanah ialah ahli waris si mati. Pembentukan amanah ini boleh memihak kepada seseorang waris berbanding dengan ahli waris yang lain. Oleh itu, penerima amanah bukan sahaja layak menerima harta amanah tetapi juga layak menerima bahagian tetap yang diperuntukkan oleh undang-undang pusaka Islam dalam kategori yang tidak diwasiatkan. Kenyataan Suffian J. dalam kes *Re Man bin*

Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

35 Othman Yaacob (2006). Pembentukan trust hibah sebagai alternatif perancangan harta dlm. Siti Mashitoh Mahamood (Ed.), *Harta amanah orang Islam di Malaysia: Perspektif undang-undang dan pentadbiran* (p. 197). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya; Lihat juga informasi perkhidmatan produk hibah amanah ASNB yang boleh dicapai melalui www.asnb.com.my (p. 4).

*Mihat*³⁶ membuktikan bahawa kewujudan jenis amanah ini merupakan perkara biasa yang berlaku dalam kalangan umat Islam seawal tahun 1965. Beliau berkata:

Indeed it is quite common for a Muslim to buy land for his minor children and have himself registered in the land office records as trustee, though the effect would be to augment the share received by those children in his property after his death. During his lifetime the land is trust property and his death does not alter its character, for thereafter the land remains trust property and his administrator holds it for the purposes of the trust (penekanan ditambah).

Walaupun instrumen hibah boleh digunakan oleh seseorang dengan niat untuk mengelakkan penggunaan hukum pusaka terhadap hartanya, keadaan ini tidaklah menjadi pilihan utama kerana undang-undang menetapkan bahawa hak milik mestilah berpindah kepada penerima hibah tersebut. Pemberi hibah mungkin tidak ingin mengambil risiko kehilangan harta tersebut semasa masih hidup, apatah lagi risiko penerima hibah menjual harta tersebut sedangkan pemberi hibah masih lagi ingin memanfaatkan harta tersebut. Untuk mengurangkan risiko tersebut, hibah amanah menjadi satu pilihan yang bertujuan menjaga kepentingan pemberi hibah dan penerima hibah hanya mendapat milikan mutlak selepas kematian pemberi hibah.

Secara perbandingannya, hibah amanah boleh dianggap bersamaan dengan wasiat kerana hanya boleh dilaksanakan selepas kematian pemberi hibah. Walau bagaimanapun, hibah amanah bertentangan dengan wasiat kerana pemberi hibah boleh membuat hibah amanah kepada warisnya, sedangkan pewasiat tidak boleh membuat wasiat kepada waris. Begitu juga dengan kadar hibah amanah yang tiada had, sedangkan wasiat tertakluk pada satu pertiga sahaja daripada harta pusaka si pewasiat.

Hibah amanah juga menepati ciri hibah kerana kedua-dua pemberi hibah melaksanakan pemberian sewaktu hayat mereka. Namun, dalam

36 [1965] 2 *MLJ* 1 (p. 3).

kes hibah, penyerahan hak milik harta hibah berlaku semasa hidup pemberi hibah, sedangkan bagi kes hibah amanah, penyerahan hak milik hanya berlaku selepas kematian pemberi hibah amanah. Semasa hidupnya, pemberi hibah amanah boleh memanfaatkan, bahkan boleh mengawal dan menguasai harta hibah tersebut seolah-olah harta itu masih miliknya. Keadaan ini amat bertentangan dengan hikmah di sebalik pemberian hibah yang boleh membebaskan seseorang daripada belenggu haloba, kedekut, jiwa yang lemah dan mementingkan diri. Hibah juga sepatutnya membebaskan jiwa daripada sifat sayang kepada harta yang selalunya menahan tangan untuk berderma, menahan hati supaya tidak bermurah hati dan menahan jiwa daripada kebebasan.³⁷ Hibah amanah boleh juga dikatakan bersamaan dengan pusaka kerana pemilikan harta berlaku selepas kematian. Walau bagaimanapun, hibah amanah berbeza daripada pusaka kerana sesiapa sahaja boleh menjadi penerima hibah, sedangkan penerima pusaka mestilah terdiri daripada golongan tertentu sahaja.

Dalam konteks amanah, hibah amanah boleh dikatakan bersamaan dengan instrumen amanah Islam kerana melibatkan pembentukan sesuatu amanah. Dalam kes hibah amanah, pembuat amanah boleh memanfaatkan harta tersebut sehingga kematiannya. Penerima amanah sama ada yang berkeupayaan atau tidak berkeupayaan untuk mentadbir harta akan berkuasa terhadap harta tersebut hanya selepas kematian pembuat amanah. Namun, dalam amanah Islam, sesuatu amanah itu sepatutnya dibentuk untuk memberikan manfaat kepada penerima amanah sahaja dan pemegang amanah tidak boleh mengambil manfaat daripada harta tersebut dalam bentuk yang tidak wajar. Amanah Islam boleh dibentuk bagi manfaat penerima amanah yang tidak berkeupayaan untuk mentadbir harta sahaja seperti kanak-kanak dan orang gila, dan seorang penjaga (pentadbir) harta mesti dilantik. Sesuatu amanah tidak boleh dibentuk bagi orang yang berkeupayaan untuk

37 Sayyid Qutb (2000). *Tafsir Fi Zilal al-Quran* (Jilid 1) (Yusoff Zaky Haji Yacob, Terj.) (p. 369). Kuala Lumpur: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd. menjelaskan hikmah hibah (dipetik daripada penghakiman kes *Zanani binti Mohd Noor lwn Awang bin Merah dan Satu yang Lain* (2008) 26 JH 241 (p. 249).

mentadbir harta kerana mereka berkeupayaan untuk menguruskan harta mereka.

Dari sudut perundangan, apabila sesuatu pemberian berlaku, pemberi hibah tidak boleh menyimpan apa-apa manfaat daripada harta amanah tersebut. Pengambilan manfaat ini perlu dikawal, terutama jika pemberi hibah mengisytiharkan dirinya sebagai pemegang amanah bagi pihak penerima amanah yang merupakan kanak-kanak ataupun orang gila. Pemberi amanah yang juga pemegang amanah tersebut seharusnya melepaskan hak terhadap harta yang diamanahkan dan tidak boleh lagi menuntut atau menggunakan harta itu secara tidak wajar kerana jika tidak, beliau berkemungkinan boleh disabitkan dengan kesalahan pecah amanah kerana harta tersebut tidak lagi menjadi miliknya.

Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa kewujudan hibah amanah bukan hanya untuk mempercepat proses pembahagian pusaka, malah turut memberikan ruang kepada pemberi hibah amanah untuk menentukan penerima ataupun pewaris harta selepas kematiannya. Dalam konteks ini, hibah amanah menjadi suatu instrumen untuk mengelak pemakaian undang-undang pusaka Islam kerana harta amanah akan diserahkan kepada penerima hibah amanah hanya selepas kematian pemberi hibah. Melalui pemerhatian, didapati bahawa hibah amanah tidak selari dengan instrumen harta lain seperti wasiat,³⁸ hibah, pusaka dan amanah dalam Islam, sedangkan kesemua instrumen ini mempunyai asas syariah daripada al-Quran, sunah, amalan para sahabat dan ijtihad para ulama.³⁹ Oleh itu, hibah amanah hendaklah dilaksanakan berdasarkan hujah syariah yang kukuh.

38 Bagi perkembangan undang-undang wasiat orang Islam di Malaysia, lihat Tajul Aris Ahmad Bustami (2009). *Undang-undang wasiat orang Islam di Malaysia: Sejarah dan perkembangannya* dlm. Akmal Hidayah Halim *et al.*, *Undang-undang harta dan amanah* (pp. 111 – 122). Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa.

39 Nazrul Hazizi Noordin, Muhammad Issyam Ismail, Muhammad Abd. Hadi Abd. Rahman, Siti Nurah Haron, dan Adam Abdullah (2016). Re-evaluating the practice of hibah trust in Malaysia. *Humanomics*, 32(4), 418 – 436.

Setakat ini, pelaksanaan hibah amanah adalah dengan bersandarkan keputusan mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan (Majlis Fatwa) dalam mesyuarat kali ke-56 yang diadakan pada 5 Oktober 2000⁴⁰ berkaitan dengan cadangan pengurusan hibah yang dilaksanakan oleh Bumiputra-Commerce Trustee Berhad yang memutuskan antaranya termasuklah pemindahan hibah hendaklah dilakukan secara terus kepada penerima hibah. Manakala, apa-apa persetujuan dan apa-apa syarat antara pemberi hibah dengan penerima hibah hendaklah dibuat selepas berlakunya penyerahan dan penerimaan (*ijab* dan *qabul*). Berdasarkan keputusan ini, syarat '*umra*⁴¹ dan *ruqba*⁴² yang bergantung pada kematian pemberi dan penerima hibah dimasukkan dalam surat ikatan amanah yang dilaksanakan selepas berlakunya *ijab* dan *qabul* antara pemberi dengan penerima hibah amanah. Walau bagaimanapun, dalam konteks ini, majoriti fuqaha bersetuju bahawa dalam apa-apa keadaan (kematian pemberi atau penerima), syarat '*umra* dan *ruqba* tersebut

40 Selain keputusan mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan pada 21 – 23 November 2006 melalui kertas maklumat tentang produk Amanah Hibah Amanah Raya Berhad (ARB) memperakukan produk amanah hibah yang diperkenalkan oleh ARB dan memutuskan bahawa mana-mana aspek operasi yang perlu diperhalus ke arah mematuhi kehendak syarak boleh dikemukakan kemudian. Lihat keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia, Cetakan Pertama 2009, JAKIM. Namun, setakat tahun 2015, tiada fatwa yang dikeluarkan berkenaan dengan hukum amanah hibah ARB. Lihat Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia, Cetakan Kelima, 2015, JAKIM.

41 Syarat yang dikaitkan dengan tempoh tertentu, iaitu umur pemberi atau umur penerima. Lihat Mustofa al-Khin, Mustofa al-Bugho dan Ali al-Syarbaji (2004). *Al-Fiqh al-Manhaji Kitab Fikah Mazhab Syafie* (Solehan Ayub, Terj.) (p. 1139). Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.

42 Istilah ini dipinjam daripada perkataan bahasa Arab, *ruqub* dan *taraqququb* yang bermaksud menunggu, iaitu masing-masing menunggu kematian siapa terlebih dahulu. Mustofa al-Khin, Mustofa al-Bugho dan Ali al-Syarbaji (2004). *Al-Fiqh al-Manhaji Kitab Fikah Mazhab Syafie* (Solehan Ayub, Terj.) (p. 1140). Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.

tidak boleh diterima pakai dan harta hibah itu tetap menjadi milik penerima atau waris penerima.⁴³ Oleh itu, terma hibah amanah yang mensyaratkan bahawa harta hibah amanah akan dikembalikan kepada pemberi hibah jika penerima hibah meninggal dunia sebelum pemberi hibah berdasarkan syarat ‘*umra* dan *ruqba* adalah terbatal dan tidak terpakai.

Dari segi amalannya, peletakan syarat, terutama syarat *ruqba* hanya dibenarkan dalam perkara berkenaan dengan hibah bersyarat dalam pembayaran manfaat takaful berdasarkan resolusi Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia pada mesyuarat ke-34 bertarikh 21 April 2003. Kaedah yang sama juga diperuntukkan dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Namun, pembayaran manfaat takaful kepada benefisiari di bawah hibah bersyarat (*ruqba*) mengundang pelbagai tafsiran, antaranya termasuklah seseorang penerima yang dinamakan itu hanyalah merupakan seorang wasi dan tertakluk pada hukum wasiat.⁴⁴

Peletakan syarat *ruqba* juga dibenarkan dalam transaksi yang melibatkan akaun bersama tabung unit amanah, terutama akaun

43 Mohd. Nasir Ali dan Aminuddin Adnan (2016). Hibah amanah hartanah dlm. *E-proceeding of international conference on aqidah, dakwah dan shariah 2016* (p. 12159). Academy of Islamic Studies, KUIS: Selangor. Lihat juga Md. Habibur Rahman (2012, Disember). A juristic analysis on hibah *al-umra* and *al-ruqba* and their applications to the joint tenancy and disbursement of takaful benefit. Kertas kerja dalam Seminar of Contemporary Fiqh: Issues and Challenges, International Islamic University Malaysia; Mustofa al-Khin, Mustofa al-Bugho dan Ali al-Syarbaji (2004). *Al-Fiqh al-Manhaji Kitab Fikah Mazhab Syafie* (Solehan Ayub, Terj.) (pp. 1139 – 1140). Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.

44 Lihat Mohd. Kamil Ahmad dan Joni Tamkin Borhan (2017). Penggunaan hibah bersyarat (bertaklik) dalam masalah pembahagian manfaat takaful: Analisis hukum. *Jurnal Syariah*, 25(1), 51 – 74. Lihat juga Yusuf Sani Abu Bakar, Muhammad Anowar Zahid dan Ruzian Markom (2013). Effect of nomination under the Islamic Financial Services Act 2013: Is it a return to the decisions of re: Man bin Mihat Decd and Bahadun bin Haji Hassan?. Kertas kerja dalam 1st Insurance and Takaful International Symposium 2013, Institut Insurans Malaysia, Kuala Lumpur.

yang dipegang oleh orang Islam.⁴⁵ Pegangan bersama dalam unit amanah bermaksud seseorang yang memegang unit amanah atau sebahagian daripadanya berdasarkan peruntukan dalam surat ikatan amanah bersama-sama dengan seseorang yang lain, yang juga dikenali sebagai pemegang bersama. Syarat *ruqba* dibenarkan bertujuan mencari jalan penyelesaian, jika timbulnya pertikaian apabila salah seorang daripada pemegang akaun bersama unit amanah meninggal dunia. Mengikut amalan semasa, dalam tabung unit amanah, apabila salah seorang meninggal dunia, yang hidup akan memperoleh kesemua simpanan dalam tabung berkenaan. Amalan ini berasaskan kaedah “survivorship”. Berpandukan surat ikatan amanah yang sedia ada, yang mensyaratkan bahawa jika salah seorang daripada pemegang unit amanah secara bersama meninggal dunia, pemilik bersama lain yang masih hidup berhak mendapat kesemua unit yang terdapat di dalam akaun tersebut. Walau bagaimanapun, keputusan ini tidak terpakai bagi instrumen hibah amanah kerana akaun yang terlibat mestilah akaun bersama dan bukannya akaun individu.

Hibah yang dilakukan oleh seseorang semasa hayatnya walaupun pada asalnya harus tetapi dianggap melanggar had sempadan syarak dalam masalah pewarisan harta apabila mengganggu hak ahli waris terhadap hartanya. Oleh sebab itu, fuqaha mendahulukan hukum pembahagian harta selepas kematian. Sesuatu hibah yang ditaklik atau digantung kerana berlakunya kematian pemberinya merupakan wasiat yang tertakluk pada hukum wasiat. Meskipun matlamat dan niat pemberi baik, namun matlamat tersebut terbatal dan diabaikan jika bercanggah dengan hukum syarak.⁴⁶ Jika sesuatu

45 Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti pada mesyuarat ke-44 bertarikh 15 Januari 2003. Dalam konteks orang Islam, khususnya status wang di dalam akaun bersama juga diputuskan sebagai salah satu harta hibah. Lihat kes *Jariah binti Yahya & 3 Lagi lwn Nor Hasiah binti Harun* (2010). *Jurnal Hukum*, 31(81).

46 Lihat Mohd. Kamil Ahmad dan Joni Tamkin Borhan (2017). Penggunaan hibah bersyarat (bertaklik) dalam masalah pembahagian manfaat takaful: Analisis hukum. *Jurnal Syariah*, 25(1), 63.

hibah sempurna dari segi rukun dan pemilikannya, maka hibah tersebut sah dan segala syarat yang diletakkan tidak terpakai. Harta tersebut kekal menjadi milik penerima hibah dan dianggap sebagai sebahagian daripada harta pusakanya jika dia meninggal dunia.

KESIMPULAN

Pelaksanaan hibah amanah di Malaysia yang mendapat sambutan daripada segelintir umat Islam perlulah diperhalus keselarasannya dengan hukum syarak kerana pelaksanaannya kini dilihat tidak konsisten dengan pelbagai instrumen perancangan harta Islam yang sedia ada yang mempunyai asas syariah yang kukuh. Oleh itu, dikhuatiri dengan adanya instrumen seperti ini, pelbagai pihak boleh mengambil kesempatan demi kepentingan peribadi untuk membelakangkan hukum syarak yang sedia diamalkan. Walaupun kewujudan hibah amanah di bawah undang-undang sivil diiktiraf sah sebagai salah satu instrumen perancangan harta di Malaysia, namun bagi umat Islam, kaedah ini boleh dianggap tidak sah kerana tidak selaras dengan undang-undang hibah, wasiat, amanah dan pusaka Islam. Selain instrumen amanah Islam yang biasa, diusulkan bahawa hibah amanah kontemporari ini tidak perlu diberikan pengiktirafan undang-undang sebagai salah satu kaedah perancangan harta Islam di Malaysia. Jika keadaan ini dibenarkan, pastinya kaedah ini akan menjadi salah satu taktik untuk mengelak daripada melaksanakan undang-undang pusaka Islam dengan memberikan hak kepada seseorang itu untuk memilih pewaris harta pusaka selepas kematiannya, dan secara tidak langsung mengiktiraf hujah yang mengatakan bahawa wasiat dan pusaka Islam tidak lengkap sebagai instrumen perancangan harta Islam.⁴⁷ Keadaan ini agak membimbangkan kerana ilmu faraid akan hilang seperti sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

47 Othman Yaacob (2006). Pembentukan trust hibah sebagai alternatif perancangan harta dlm. Siti Mashitoh Mahamood (Ed.), *Harta amanah orang Islam di Malaysia: Perspektif undang-undang dan pentadbiran* (p. 197). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Pelajarilah ilmu faraid kerana ia sebahagian daripada agama kamu dan ia adalah setengah ilmu. Ia juga adalah ilmu yang pertama dicabut daripada umatku.⁴⁸

Oleh hal yang demikian, penggunaan hibah amanah dalam kalangan umat Islam perlu dipantau bagi memastikan instrumen ini mematuhi undang-undang Islam di Malaysia.

RUJUKAN

- (1862) 4 *De G.F. & J.* 264 pp. (274 – 275).
(1874) *LR* 18 Eq 11.
[1965] 2 *MLJ* 1 p. 3.
[1987] 2 *MLJ* 74 p. 131.
[2006] 3 *CLJ* 616.
Abdul Aziz Mohammed Zaid (1986). *The Islamic law of bequest* (p. 70). Kuala Lumpur: Scorpion Publishing Ltd.
Akmal Hidayah Halim (2011). The legality of a living trust as an instrument for Islamic wealth management: A perspective. *IJUM Law Journal*, 19 (1), 35 – 50.
al-Bukhari (1979). *Sahih al-Bukhari* (Jilid 4) (p. 6). (Muhammad Muhsin Khan, Terj.). t.t.: Kazi Publication.
al-Nawawī (1977). *Minhaj-at-Talibin, A manual of Muhammadan law according to the school of Shafi'i* (E.C. Howard, Terj.) (p. 234). t. t.: Law Publishing Co.
al-Nawawi, Mahy al-Dīn Abī Zakarīyya Yahya ibn Sharaf (1986). *Minhaj al-Talibīn: A manual of Muhammadan law according to the school of Shafi'i*. (p. 260). t.t.: t.p.
Dato' Kadar Shah Tun Sulaiman *lwn* Datin Fauziah Haron [2008] 7 *MLJ* 779.
David Pearl (1979). *A textbook on Muslim law* (p. 158). London: Croom Helm.
David J. Hayton (t. th.). *Underhill and hayton law relating to trusts and trustees* (Edisi ke-15) (p. 125). United Kingdom: Butterworths.
Jamal J. Nasir (1990). *The Islamic law of personal status* (p. 282). London:

48 Riwayat Ibnu Majah (2719) dengan sanad hasan daripada Abu Hurairah r. a. dalam *Kitab Faraid*, Bab Galakan Mempelajari Ilmu Faraid.

Graham and Trotman.

- Jariah binti Yahya & 3 Lagi *lwn* Nor Hasiah binti Harun (2010). *Jurnal Hukum*, 31(81).
- Lee Ing Chin & Ors *lwn* Gan Yook Chin & Anor [2003] 2 *CLJ* 19 (p. 63).
- Lucy Caroll (1994). Definition and interpretation of Muslim law in South East Asia: The case of gifts to minors. *Islamic Law and Society (BRILL)* 1(1), 88.
- Lucy Caroll (2001). Life interest and inter-generational transfer of property avoiding the law of succession. *Islamic Law and Society*, 8(2), 254.
- Mary George (1999). *Malaysian trust law* (p. 78). Selangor: Pelanduk Publication.
- Md. Habibur Rahman (2012, Disember). A juristic analysis on hibah *al-umra* and *al-ruqba* and their applications to the joint tenancy and disbursement of takaful benefit. Kertas kerja dalam Seminar of Contemporary Fiqh: Issues and Challenges, International Islamic University Malaysia.
- Mohd. Kamil Ahmad dan Joni Tamkin Borhan (2017). Penggunaan hibah bersyarat (bertaklik) dalam masalah pembahagian manfaat takaful: Analisis hukum. *Jurnal Syariah*, 25(1), 51 – 74.
- Mohd. Nasir Ali dan Aminuddin Adnan (2016). Hibah amanah hartanah dlm. *E-proceeding of International Conference on Aqidah, Dakwah dan Shariah 2016* (p. 12159). Selangor: Academy of Islamic Studies, KUIS.
- Mustofa al-Khin, Mustofa al-Bugho dan Ali al-Syarbaji (2004). *Al-Fiqh al-Manhaji Kitab Fikah Mazhab Syafie* (Solehan Ayub, Terj.) (pp. 1137 – 1140). Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Mustofa al-Khin, Mustofa al-Bugho dan Ali Al-Syarbaji (2014). *Al-Fiqh al-Manhaji Muamalat dan Kewangan Islam dalam Fiqh al-Syafi'i*. (Zulkifli Mohamad al-Bakri, Terj.) (pp. 367 – 368). Selangor: Darul Syakir Enterprise.
- Nazrul Hazizi Noordin, Muhammad Issyam Ismail, Muhammad Abd. Hadi Abd. Rahman, Siti Nurah Haron dan Adam Abdullah (2016). Re-evaluating the practice of hibah trust in Malaysia. *Humanomics*, 32(4), 418 – 436.
- Othman Yaacob (2006). Pembentukan trust hibah sebagai alternatif perancangan harta dlm. Siti Mashitoh Mahamood (Ed.), *Harta amanah orang Islam di Malaysia: Perspektif undang-undang dan pentadbiran* (p. 172). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Perlembagaan Persekutuan, Jadual 9, Senarai Negeri.
- Perlembagaan Persekutuan, Jadual 9, Senarai Persekutuan.

- Re Man bin Mihat*, Surat Ikatan [1965] 2 MLJ 1.
- Sayyid Qutb (2000). *Tafsir Fi Zilal al-Quran* (Jilid 1) (Yusoff Zaky Haji Yacob, Terj.) (p. 369). Kuala Lumpur: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Tajul Aris Ahmad Bustami (2004). Pentadbiran wasiat orang Islam di Malaysia: Perkembangan dan permasalahan. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 16(1), 1 – 19.
- Tajul Aris Ahmad Bustami (2007). Penghakiman kes wasiat orang Islam: Satu analisis dlm. Mahamad Arifin *et al.*, *Pentadbiran Undang-undang Islam Malaysia* (Jilid 12) (pp. 178 – 206). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tajul Aris Ahmad Bustami (2009). Undang-undang wasiat orang Islam di Malaysia: Sejarah dan perkembangannya dlm. Akmal Hidayah Halim *et al.*, *Undang-undang harta dan amanah* (pp. 111 – 122). Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa.
- Wan Abdul Halim Wan Harun (2006). *Pengurusan dan pembahagian harta pusaka* (p. 3). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Naimah *lwn* Wan Mohamad Nawawi [1974] 1 MLJ 41.
www.asnb.com.my.
- Yusuf Sani Abu Bakar, Muhammad Anowar Zahid dan Ruzian Markom (2013). Effect of nomination under the Islamic Financial Services Act 2013: Is it a return to the decisions of re: Man bin Mihat Decd and Bahadun bin Haji Hassan?. Kertas kerja dalam 1st Insurance and Takaful International Symposium 2013, Institut Insurans Malaysia, Kuala Lumpur.
- Zanani binti Mohd Noor *lwn* Awang bin Merah dan Satu yang Lain (2008) 26 JH 241 (p. 249).

Diperoleh (*Received*): 4 Okt. 2016

Diterima (*Accepted*): 21 Mac 2017